



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



KESUNYIAN DALAM PERADABAN MODEN

LONELINESS IN MODERN CIVILIZATION

Faezah Kassim¹, Noor Ain Mat Noor², Norazlan Hadi Yaacob^{3*}

¹Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia

 faezahkassim@um.edu.my



<https://orcid.org/0009-0004-6149-9527>

²Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Malaysia

 noorain277@um.edu.my



<https://orcid.org/0009-0009-4165-0214>

³Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

 norazlan@fsk.upsi.edu.my



<https://orcid.org/0000-0003-4621-2562>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 11.01.2026

Revised date: 26.01.2026

Accepted date: 24.02.2026

Published date: 15.03.2026

To cite this document:

Kassim, F., Mat Noor, N. A., & Yaacob, N. H. (2026). Kesunyian Dalam Peradaban Moden. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(43), 244-263.

Abstrak:

Kesunyian atau *loneliness* bukan sekadar pengalaman psikologi individu, tetapi semakin jelas merupakan fenomena peradaban. Dalam konteks modeniti, manusia hidup dalam dunia yang semakin terhubung melalui teknologi digital, urbanisasi dan globalisasi. Namun pada masa yang sama manusia mengalami kehidupan terasing atau kesunyian yang semakin mendalam. Artikel ini membincangkan kesunyian yang dihadapi oleh individu sebagai paradoks peradaban moden iaitu suatu keadaan ketika era kemajuan material dan teknologi perhubungan berlaku tetapi tidak menjamin kewujudan interaksi dan hubungan sosial yang bermakna pada sesetengah individu. Sehubungan itu, perbincangan dilakukan bagi mengenalpasti apakah faktor-faktor fundamental yang menyebabkan keadaan ini berlaku dan bagaimana untuk mengatasinya. Analisis dilakukan dengan menggunakan pendekatan falsafah sosiologi dengan meneliti pandangan klasik Émile Durkheim mengenai *anomie* dan analisis Zygmunt Bauman tentang *liquid modernity* terhadap masyarakat moden. Analisis ini menunjukkan bahawa kesunyian adalah cerminan krisis individualisme dan perubahan struktur sosial, teknologi digital dan media sosial serta ekonomi dan globalisasi. Memahami kesunyian sebagai fenomena peradaban dapat membuka ruang untuk membina semula asas solidariti sosial, nilai spiritual dan identiti kolektif. Ia juga memberikan sumbangan baharu kepada wacana peradaban dengan mengangkat kesunyian merupakan masalah individu yang menjadi tanda rapuhnya asas kemanusiaan dalam peradaban moden.

Anomie, Kesunyian, Liquid Modernity, Peradaban Moden

Abstract:

Loneliness is not merely an individual psychological experience, but increasingly a civilizational phenomenon. In the context of modernity, human beings live in a world that is ever more connected through digital technology, urbanization, and globalization. Yet, at the same time, people experience an increasingly profound sense of isolation and loneliness. This article discusses the loneliness experienced by individuals as a paradox of modern civilization, a condition in which material progress and advanced communication technologies exist, yet do not guarantee the presence of meaningful social interaction and relationships for certain individuals. Accordingly, the discussion seeks to identify the fundamental factors that lead to this condition and explore possible ways to overcome it. The analysis employs a sociophilosophical approach by examining Émile Durkheim's classical concept of anomie and Zygmunt Bauman's analysis of liquid modernity in relation to modern society. The findings reveal that loneliness reflects the crises of individualism and structural change, as well as the influence of digital technology, social media, economy, and globalization. Understanding loneliness as a civilizational phenomenon opens the way to rebuilding the foundations of social solidarity, spiritual values, and collective identity. It also contributes new insights to civilizational discourse by highlighting loneliness as an individual problem that signifies the fragility of humanity's moral foundations in modern civilization.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcellence.com

Keyword:

Anomie, Liquid Modernity, Loneliness, Modern Civilization.

Pengenalalan

Dalam sejarah manusia, peradaban diukur melalui kemajuan material seperti pembangunan teknologi, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik. Namun, di sebalik kemajuan tersebut dunia kontemporari menyaksikan peningkatan fenomena kesunyian (loneliness) yang semakin membimbangkan sehingga digambarkan sebagai “*age of loneliness*” (BBC UK, 2016). Manakala di Malaysia, kesunyian pula dilihat dari perspektif hidup bersendirian juga semakin meningkat. Fenomena kematian bersendirian atau 'pemergian sunyi' bukan kes terpencil, sebaliknya perlu dilihat sebagai isyarat awal perubahan sosial yang berpotensi memberi kesan besar kepada struktur masyarakat negara ini (Berita Harian, 20 Februari 2026). Fenomena ini membawa kepada paradoks peradaban moden merujuk kepada ketegangan struktural dalam masyarakat moden. Kemajuan material, kebebasan individu dan perkembangan teknologi berlaku serentak dengan peningkatan keterasingan sosial, ketidakstabilan identiti dan kemerosotan solidariti komuniti. Nilai peradaban kontemporari yang menekankan kebebasan individu, kemajuan material, rasionaliti dan persaingan telah menggantikan nilai komunal,

spiritual dan emosional yang dahulu mengikat masyarakat. Fenomena *loneliness* atau kesunyian dalam peradaban moden bukanlah sekadar masalah psikologi tetapi refleksi terhadap krisis nilai dan makna dalam struktur sosial masa kini.

Walaupun kajian sedia ada banyak membincangkan kesunyian dari sudut psikologi dan kesihatan mental, namun perbincangan mengenai kesunyian sebagai simptom krisis struktur sosial dan nilai peradaban masih kurang diberi perhatian secara falsafah dan sosiologikal. Kajian cenderung meneliti kesunyian sebagai isu kesihatan awam global iaitu berdasarkan kepada berlakunya peningkatan signifikan dalam penyelidikan epidemiologi dan meta-analisis berskala besar (Surkalim *et al.*, 2022). Sebahagian besar kajian lepas memberi tumpuan kepada hubungan antara kesunyian, kemurungan, kebimbangan dan risiko kematian. Kesemua ini memperlihatkan kesunyian dalam kerangka faktor risiko psikologi individu (Hawkey & Cacioppo, 2010; Holt-Lunstad *et al.*, 2015; Buecker *et al.*, 2021; Lim *et al.*, 2020). Dalam konteks budaya digital, penyelidikan empirikal turut menumpukan kepada kesan penggunaan media sosial terhadap persepsi pengasingan sosial dan kesejahteraan mental (Primack *et al.*, 2017). Sherry Turkle (2011) menyatakan bahawa teknologi komunikasi menghasilkan ilusi keterhubungan tanpa nilai hubungan sebenar. Namun demikian, kebanyakan pendekatan ini masih menempatkan kesunyian sebagai isu psikologi individu atau kesan sampingan teknologi. Perbincangan juga kurang menghubungkannya dengan perubahan makro seperti pengukuhan individualisme, kemerosotan modal sosial dan transformasi institusi dalam masyarakat moden (Putnam, 2000).

Bagi memahami fenomena ini secara lebih mendalam, pendekatan falsafah sosiologi klasik dan kontemporari melalui konsep *anomie* oleh Émile Durkheim dan *liquid modernity* oleh Zygmunt Bauman digunakan. Durkheim dalam *Suicide* (1897) menjelaskan bahawa keadaan *anomie* berlaku apabila norma sosial menjadi lemah atau kabur hingga menyebabkan individu kehilangan arah dan makna hidup. Sementara itu, Bauman dalam *Liquid Modernity* (2000) menghuraikan bahawa masyarakat moden bersifat “cair”, di mana hubungan sosial menjadi rapuh, identiti sentiasa berubah dan institusi kehilangan keupayaan untuk menjamin kestabilan keterikatan sosial. Melalui pendekatan ini, perbincangan menjurus kepada persoalan utama iaitu bagaimana perubahan struktur nilai dan institusi dalam peradaban moden menyumbang kepada peningkatan fenomena kesunyian dan sejauh mana konsep *anomie* serta *liquid modernity* dapat menjelaskan realiti tersebut?

Kajian ini memperluaskan perbincangan isu kesunyian dalam kerangka falsafah sosiologi dengan menganalisis struktur nilai sosial dalam peradaban moden. Ia dapat mengintegrasikan kerangka klasik Durkheim dengan teori moden Bauman bagi membina analisis konseptual yang merentasi zaman. Perbincangan yang mendalam dapat menunjukkan kesinambungan dan perbezaan antara *anomie* dan *liquid modernity* dalam menjelaskan kesunyian kontemporari. Kajian ini juga menyumbang kepada wacana falsafah sosial dengan menegaskan bahawa kesunyian merupakan salah satu penanda aras krisis makna dalam tamadun moden.

***Loneliness* atau Kesunyian**

Loneliness diterjemahkan ke bahasa Melayu sebagai kesunyian oleh *Cambridge Dictionary* (Cambridge University Press, n.d.). Manakala kamus Dewan Bahasa dan Pustaka menterjemahkan *loneliness* kepada kesunyian atau kesepian (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.). Berdasarkan kepada beberapa kajian yang dijalankan seperti kajian oleh Noradilah dan Mansor (2009), istilah kesunyian merujuk kepada *loneliness*. Kajian tersebut adalah mengenai kesan

kesunyian terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Begitu juga dengan kajian oleh Zaiton *et al.* (2015) mengkaji hubungan antara kebimbangan, kecerdasan emosi dan penghargaan sendiri terhadap kesunyian pelajar dari kawasan luar bandar yang berada di universiti di Malaysia. Justeru, *loneliness* boleh diterjemahkan sebagai kesunyian dan digunakan dalam perbincangan ini.

Kajian oleh Zaiton *et al.*, (2015) dapat difahami takrif kesunyian melalui penjelasan bahawa kesunyian merupakan satu keadaan yang tidak disukai dan menyakitkan emosi. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar universiti dan didapati bahawa kesunyian merupakan satu keadaan yang sukar dan fenomena yang berlaku kepada semua pelajar. Namun begitu terdapat individu berjaya melaluinya dalam tempoh yang singkat dan terdapat juga yang menghadapinya dalam kepayahan. Kesunyian adalah situasi yang berbeza-beza kerana terdapat sesetengah individu merasakan kesunyian boleh menjadi sumber ketenangan dan ada pula yang merasakan ia adalah sesuatu yang menyakitkan. Oleh itu, kesunyian tidak boleh dianggap sebagai hasil langsung yang mudah daripada keadaan sosial.

Kesunyian boleh ditakrifkan sebagai kerinduan terhadap ikatan yang kekal atau cinta tanpa syarat. Dua perkara ini menurut Bauman telah menjadi sesuatu yang sukar dicapai dan bersifat sementara (Franklin, 2009). Kesunyian adalah perasaan subjektif yang tidak diinginkan berlaku apabila terdapat ketidaksepadanan antara kuantiti dan kualiti hubungan sosial individu dengan hubungan sosial yang diinginkan (Perlman & Peplau, 1981). Menurut Hawkey *et al.* (2008), “*Loneliness is a state of mind as “people can live rather solitary lives and not feel lonely, or they can have many social relationships and still feel lonely”*”. Jelaslah bahawa kesunyian adalah perasaan yang berbeza bergantung kepada individu yang menghadapinya dan bergantung kepada faktor-faktor tertentu yang menyebabkan manusia mengalami perasaan tersebut. Kesunyian merupakan isu yang mendapat perhatian daripada pelbagai bidang dan dikaitkan dengan pengalaman dan isu psikologi individu. Menurut Beken S. Balapashev, Aigul O. Tursynbayeva dan Akmaral Zh. Maldybek (2023),

“Loneliness is a multifaceted and complex phenomenon, actively studied in many fields, including psychology, sociology and philosophy. Loneliness, traditionally regarded as a personal experience and an individual psychological issue, actually occupies a key place in philosophical reflections on the nature of human existence and social connections”.

Erich Fromm dalam karya beliau *The Art of Loving* menyatakan kesunyian bukan sekadar ketiadaan orang lain di sisi tetapi kehilangan makna kewujudan diri sendiri. Erich Fromm berhujah bahawa cinta bukan sekadar emosi spontan tetapi suatu seni (*art*) yang perlu dipelajari dan diamalkan dengan kesedaran dan tanggungjawab. Namun, masyarakat moden telah menukar cinta kepada bentuk pemilikan dan transaksi, sejajar dengan nilai kapitalisme dan materialisme (Fromm, 1956; Funk, 2000). Menurut beliau, manusia kini “mempunyai banyak tetapi tidak menjadi sesiapa,” kerana makna diri diukur melalui penghasilan dan pemilikan seperti produktiviti individu, harta, keluarga dan sebagainya tetapi menafikan perasaan yang benar-benar wujud dalam diri. Fromm melihat kesunyian sebagai akibat pengasingan diri apabila manusia gagal mencintai secara autentik, mereka terasing daripada perasaan, nilai dan makna kewujudan mereka sendiri (McLaughlin, 2019).

Terdapat perbezaan antara *Loneliness* (kesunyian) dan *aloneness* (bersendirian). Individu yang bersendirian tidak merasakan dirinya ditinggalkan dan tidak berduka cita atas kehilangan dalam hidup. Kehidupannya kekal bertenaga dan penuh semangat. Sebaliknya, emosi individu yang kesunyian adalah tidak stabil, berubah-ubah dan merasakan harga diri yang rendah. Individu yang kesunyian merasa malas, ketinggalan dan membenci masyarakat. Manakala individu yang bersendirian belajar untuk menerima dirinya dan orang lain. Individu yang kesunyian merasa dirinya ditolak oleh masyarakat, manakala individu yang memilih bersendirian menolak masyarakat demi merasakan kepuasan serta penguasaan terhadap dirinya sendiri. Golongan ini berada dalam hubungan yang erat dengan dirinya, bersikap terbuka, optimistik dan bersemangat untuk mencapai kekuatan optimum dirinya. Sebaliknya, golongan yang kesunyian terasa kabur dan asing terhadap dirinya sendiri (Moustakas, 1961, 1975; Singh, 1991).

Kesunyian juga sering dikelirukan dengan pengasingan sosial iaitu satu konsep yang boleh diukur dengan lebih tepat, contohnya melalui bilangan hubungan sosial yang dilakukan oleh individu. Namun begitu, kesejahteraan tidak semestinya berkorelasi positif dengan bilangan hubungan sosial. Bagi sesetengah individu, bersendirian merupakan cara hidup yang sesuai dengan sifat dan temperamen mereka. Oleh itu, terdapat individu yang merasa terasing walaupun banyak berinteraksi dengan masyarakat, manakala ada yang bersendirian kerana kurang memerlukan hubungan sosial dan tidak mengalami kesunyian (Forbes, 1996). Ini jelas membezakan situasi yang dihadapi oleh dua golongan. Kesunyian (*loneliness*) ialah keadaan negatif yang lahir daripada keterasingan dan kehilangan makna diri, manakala bersendirian (*aloneness*) ialah keadaan positif yang membolehkan individu mengenali, menerima dan memperkukuh dirinya sendiri. Kedua-duanya membezakan antara terpisah daripada diri dan berdamping dengan diri dalam pengalaman kemanusiaan. Namun dalam perbincangan ini, penekanan yang diberikan adalah terhadap kesunyian yang membawa keadaan negatif iaitu emosi individu yang tidak stabil, berubah-ubah dan merasakan harga diri yang rendah.

Dalam konteks sejarah sosial, kesunyian pada era 1960-an dan 1970-an lebih dikaitkan dengan pengasingan sosial akibat kegagalan hubungan perkahwinan atau perubahan struktur keluarga (Franklin, 2009). Namun, kesunyian dalam era digital memperlihatkan ciri yang berbeza. Kemajuan teknologi komunikasi telah meningkatkan keterhubungan secara teknikal tetapi pada masa yang sama melemahkan kedalaman hubungan interpersonal. Hubungan maya yang bersifat segera dan dangkal terhad kepada interaksi simbolik seperti “like” dan “emoji”. Interaksi ini tidak menghasilkan keterikatan emosi yang bermakna. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesunyian bukan lagi sekadar isu kegagalan hubungan sosial tetapi berkait rapat dengan perubahan nilai dan struktur peradaban digital. Di negara Jepun, wujud fenomena yang sama disebut *hikikomori*. Ia memperlihatkan kesunyian dalam masyarakat maju, di mana individu mengasingkan diri secara fizikal dan sosial dalam jangka masa panjang (Rafiza *et al.*, 2019). Walaupun fenomena ini sering dilihat sebagai isu budaya dalam masyarakat tertentu, namun gejala yang sama didapati berlaku juga dalam pelbagai masyarakat global. Ini menunjukkan bahawa kesunyian merupakan fenomena struktural yang melangkaui sempadan geografi.

Teori Durkheim dan Bauman dapat menjelaskan kesunyian sebagai fenomena peradaban yang bersifat struktur. Fenomena peradaban merujuk kepada keseluruhan pola perubahan, struktur makna dan sistem nilai yang muncul dalam sesuatu tamadun sebagai hasil interaksi antara institusi sosial, teknologi, ekonomi dan pandangan alam. Melalui teori Durkheim, ia menjelaskan kesunyian sebagai akibat kelemahan solidariti dan *anomie* normatif. Manakala, Bauman pula menerangkan bagaimana sifat cair hubungan moden menghakis keterikatan

sosial. Kedua-duanya menunjukkan bahawa kesunyian dalam masyarakat moden bukan disebabkan kegagalan individu, tetapi merupakan manifestasi perubahan struktur sosial yang lebih luas.

Anomie dan Liquid Modernity

Émile Durkheim (1858–1917) ialah seorang tokoh penting dalam sosiologi moden dan merupakan antara pengasas disiplin ini. Beliau dilahirkan di Épinal, Perancis. Durkheim berusaha untuk membangunkan sosiologi sebagai satu bidang ilmu yang saintifik dan sistematik setanding dengan bidang sains lain. Dalam karya-karya awal beliau seperti *The Division of Labour in Society* (1893) dan *Suicide* (1897), beliau menekankan bahawa masyarakat adalah himpunan individu dan wujud sebagai satu realiti tersendiri yang mempunyai kuasa mempengaruhi pemikiran serta tingkah laku manusia (Durkheim, 1893/2014). Norma, nilai dan institusi sosial bertindak sebagai kekuatan atau penyokong untuk individu membentuk kehidupan mereka (Lukes, 2013).

Konsep oleh Durkheim (1951) tentang manusia mempertimbangkan dua kekuatan yang mendorong tindakan manusia. Satu ialah motivasi egoistik dan antisosial yang wujud sejak lahir dan satu lagi ialah keperluan untuk menjadi sebahagian daripada kumpulan sosial di mana individu berhubungan tetapi mempunyai batas-batas tertentu bagi mengawal tindakan individu yang cenderung untuk mengutamakan kepentingan diri. Manusia dikurniakan dua bentuk moraliti. Pertama berpunca daripada sifat mementingkan diri dan sesuai dengan ciri-ciri individualistik, manakala yang kedua berasal daripada nilai moral kumpulan yang disalurkan melalui institusi sosial seperti keluarga atau sekolah.

Sifat antagonistik kedua-dua moraliti ini menyebabkan berlakunya pertembungan dan konflik kadangkala membawa kepada tingkah laku menyimpang. Oleh kerana Durkheim menganggap keperluan manusia sebagai ekstrem dan akhirnya membawa kepada kemusnahan diri jika tidak dikawal, justeru kewujudan dan pelaksanaan peraturan sosial menjadi aspek yang amat penting. Keadaan sosial di mana peraturan semakin berkurang digambarkan oleh Durkheim sebagai *anomie*. Dalam keadaan ini, dorongan egoistik menguasai dan menyebabkan peraturan moral tidak lagi berfungsi. Individu kembali kepada situasi di mana keperluan dan keinginan individualistik dijadikan panduan bagi tindakan sosial. Apabila integrasi sosial menurun, individu menjadi keliru dengan mengembangkan perasaan tidak aman dan kehilangan serta mula mempersoalkan legitimasi nilai sosial (Atteslander *et al.*, 1999). Memandangkan norma dan peraturan sosial berfungsi dengan menetapkan matlamat serta tindakan yang sah untuk mencapainya tetapi dalam keadaan *anomie* matlamat adalah terpisah daripada tindakan yang sah. *Anomie* boleh digambarkan sebagai penurunan keupayaan masyarakat untuk mengintegrasikan individu dari segi matlamat dan mengawal tindakan mereka akibat perubahan makro sosial iaitu struktur, sistem dan pola hubungan yang mempengaruhi keseluruhan masyarakat (Graeff & Mehlkop, 2007).

Istilah Perancis *anomie* telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris dengan pelbagai maksud seperti *normlessness* (ketiadaan norma), *normative confusion* (kekeliruan normatif), *dysregulation* (ketidakaturan) dan *deregulation* (pelonggaran peraturan). Sinonim yang digunakan oleh Durkheim untuk *anomie* hanyalah *dérèglement* kerana terjemahan sebagai *normlessness* dan *deregulation* dianggap kurang tepat. Konsep *normlessness* hanya mula digunakan pada akhir 1950an dan tidak wujud pada zaman Durkheim. Jenis pertama *anomie* ini berbeza daripada maksud *normlessness* dan paling tepat diterjemahkan sebagai *derangement* (kekacauan atau

gangguan). Ia merujuk kepada suatu keadaan minda yang kacau serta tergugat secara moral di mana individu berpegang kepada sikap bahawa norma masyarakat boleh dilanggar demi kepentingan diri sendiri (*normlessness*). Individu boleh membentuk keadaan minda yang penuh dengan emosi dalam memenuhi kepuasan diri dan rasa bangga. Manakala satu lagi jenis *anomie* adalah satu set emosi yang saling berkaitan iaitu kemarahan, rasa jijik, penghinaan, serta sikap mengejek terhadap mana-mana individu atau sebarang aturan normatif yang menghalang kepentingannya (TenHouten, 2016).

Salah satu sumbangan besar Durkheim ialah analisis mengenai solidariti sosial. Dalam masyarakat tradisional, hubungan sosial terbina melalui solidariti mekanikal iaitu keterikatan yang berasaskan persamaan nilai, adat dan kepercayaan bersama. Namun, apabila masyarakat berkembang menjadi lebih kompleks, bentuk solidariti ini berubah kepada solidariti organik yang berasaskan pembahagian kerja dan saling bergantung antara individu di dalam sistem tersebut (Durkheim, 1893/2014). Di sini, institusi sosial seperti keluarga, agama dan komuniti memainkan peranan penting untuk mengekalkan keteraturan serta memberikan identiti kepada anggotanya (Thompson, 2002). Durkheim merumuskan bahawa kehidupan moden berkisar di sekitar peranan pekerjaan. Hakikat bahawa peranan ini menjadi semakin khusus tidaklah dianggap bermasalah kerana individu yang tidak lagi mampu menghasilkan keseluruhan keperluan hidup mereka terdorong untuk bekerjasama dan saling bergantung ini akan menjadi sumber kepada solidariti yang lebih tinggi iaitu “solidariti organik.” Durkheim secara ringkas mempertimbangkan beberapa “bentuk abnormal” daripada pembahagian kerja yang “secara normalnya” “menghasilkan solidariti sosial.” Apabila solidariti tidak terhasil, “ia adalah kerana hubungan antara organ tidak diatur dan berada dalam keadaan *anomie*”.

Lebih seabad kemudian, Zygmunt Bauman (1925 - 2017) seorang sarjana sosiologi kelahiran Poland dan berkhidmat di Universiti Leeds mengangkat persoalan yang hampir sama tetapi dalam konteks yang sangat berbeza. Pada awalnya, Bauman banyak menulis mengenai Marxisme dan pascamodenisme, namun karya-karya pentingnya pada tahun-tahun kemudian khususnya *Liquid Modernity* (2000) menjadikan beliau terkenal sebagai pemikir yang mengkritik keadaan masyarakat kontemporari. Berbeza dengan zaman Durkheim, di mana institusi sosial masih berperanan besar dalam membentuk identiti, Bauman berpendapat bahawa dunia hari ini memasuki fasa baharu yang beliau sebut sebagai *liquid modernity* (Bauman, 2000; Tester, 2004).

Pada akhir 1980an dan awal 1990an, Zygmunt Bauman merupakan antara ahli teori sosial menggabungkan analisis tentang keadaan pascamoden dengan usaha membangunkan satu bentuk sosiologi pascamoden tersendiri. Projek ini mencapai kemuncaknya dengan penerbitan *Legislators and Interpreters* (1987) dan *Intimations of Postmodernity* (1992), karya-karya yang sejak itu dianggap sebagai ‘klasik’ dalam bidangnya. Namun, dalam beberapa tahun kebelakangan, Bauman telah beralih daripada pascamodenisme dengan mengemukakan teori *Liquid Modernity* (Gane, 2001). Bauman lebih banyak menekankan persoalan hubungan manusia, tanggungjawab sosial dan etika dalam “dunia cair”. Walaupun beliau dikatakan beralih daripada pascamodenisme namun pemikiran Bauman jelas masih dipengaruhi pascamodenisme dalam mengkaji kesunyian yang disebut sebagai kesunyian kontemporari. Bauman membuat penilaian semula terhadap bentuk kesunyian kontemporari dengan menyelidiki perubahan yang berpunca daripada konsumerisme, individualisme, keinginan, kebebasan dan pilihan. Dunia sudah tidak bersifat statik kerana ia lebih terhubung melampaui sempadan wilayah. Namun dalam keadaan manusia yang lebih terhubung tersebut menurut Bauman berlakunya perlonggaran ikatan sosial, menjadi semakin lemah dan kurang

memuaskan dari segi emosi. Maka berlakulah kesunyian sebagai keadaan endemik yang menjejaskan individu dan mewujudkan golongan minoriti yang terasing secara sosial. Kehidupan moden adalah untuk memuaskan keinginan individu secara berterusan tetapi membawa manusia ke arah kesunyian (Franklin, 2009).

Bagi Bauman, *liquid modernity* dicirikan oleh kerapuhan institusi, ketidakpastian dan perubahan yang pantas. Jika Durkheim melihat masyarakat moden sebagai berfungsi melalui pembahagian kerja yang mengekalkan solidariti organik, Bauman menegaskan bahawa kini individu tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya pada institusi tradisional seperti keluarga, agama atau komuniti. Sebaliknya, mereka terpaksa membina identiti masing-masing melalui pilihan gaya hidup, kerjaya dan hubungan peribadi. Proses pengindividualan ini memberi kebebasan yang besar tetapi pada masa yang sama membawa beban tanggungjawab dan keresahan kerana tiada lagi rujukan kolektif yang stabil (Bauman, 2001; Elliott, 2007).

Liquid modernity merupakan lanjutan teori daripada karya awal Bauman tentang moderniti. Beliau membezakan antara *solid modernity* (struktur, keboleh ramalan dan institusi kekal) dengan fasa *liquid modernity* (tidak stabil dan keadaan yang sentiasa berubah). Dalam *solid modernity*, individu adalah sebahagian daripada peranan sosial dan institusi yang tetap seperti keluarga, pekerjaan dan komuniti. Struktur-struktur ini memberikan rasa selamat dan rasa kebersamaan. Namun, dalam *liquid modernity*, struktur-struktur tersebut telah menjadi lebih mudah untuk berubah dan dibentuk semula. Hakisan norma tradisional, kemerosotan komitmen jangka panjang dan kebangkitan individualisme telah mewujudkan satu konteks di mana individu perlu menyesuaikan diri dengan perubahan yang berterusan. Peralihan ini menyebabkan pergeseran masyarakat yang lebih luas dan ditambah dengan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan tersebut iaitu globalisasi, kemajuan teknologi dan liberalisasi sistem ekonomi (Easy Sociology, 2024).

Perubahan struktur sosial dan institusi dalam peradaban moden menyebabkan tidak lagi wujud pola, kod, peraturan atau 'kumpulan rujukan' yang boleh dijadikan titik orientasi stabil dalam kehidupan individu dan membimbing mereka. Sebaliknya, individu kini berdepan dengan pelbagai pilihan hidup yang bercanggah secara bersendirian. Individu perlu menghadapi cabaran hidup dengan keadaan yang semakin terasing dan dengan sedikit sahaja harapan untuk menerima bantuan daripada mana-mana badan atau sistem kolektif. Dengan keadaan ini, bagi Bauman, 'masyarakat' menjadi semakin jauh daripada kehidupan bersama. Anggota masyarakat memilih dan bertindak dalam hidup mengikut pilihan masing-masing tanpa campur tangan luar (Gane, 2001).

Kehidupan kontemporari adalah 'bebas' kerana institusi sosial menyerahkan definisi dan identiti kepada inisiatif individu. Namun, 'kebebasan' ini melahirkan masalah yang baru. Masalah utamanya ialah individu terpaksa memikul tanggungjawab ke atas penentuan identiti diri tanpa bantuan bersifat tradisional daripada mana-mana pihak kolektif. Ini menjadikan mereka terasing dan terlalu sibuk dengan masalah peribadi masing-masing. Situasi ini menyebabkan individu terpisah daripada suatu 'tujuan bersama'. Kesannya ialah kehidupan dalam masyarakat lebih dikuasai oleh isu-isu peribadi, manakala kepentingan awam semakin berkurangan. Kehidupan bermasyarakat mengecil kepada penonjolan hal-hal peribadi serta pengakuan hati dan perasaan peribadi. Individu merasakan semakin terdedahnya hal peribadi adalah sesuatu yang semakin baik (Bauman 2000). Proses pengindividualan ini menyebabkan individu berhenti menjadi warganegara sejati. Mereka tidak lagi berkongsi kepentingan

masyarakat yang sama dan masyarakat tidak lagi mempunyai autonomi kerana ia tidak lagi terbentuk melalui pencapaian bersama anggotanya (Gane, 2001).

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa pemikiran Bauman tentang *liquid modernity* merupakan kesinambungan kritis terhadap persoalan yang telah digarap oleh Durkheim lebih awal. Jika Durkheim memberi tumpuan kepada bagaimana masyarakat moden mengekalkan keteraturan melalui institusi dan solidariti, Bauman pula menyoroti keadaan apabila institusi-institusi itu melemah, lalu menghasilkan masyarakat yang cair, longgar dan penuh ketidakpastian. Kedua-dua tokoh ini, meskipun dipisahkan oleh zaman dan konteks yang berbeza, namun mereka memberikan sumbangan penting untuk memahami perubahan sosial yang terus berkembang dari era moden awal hingga ke dunia globalisasi masa kini (Bauman, 2000; Gane, 2004).

Struktur Sosial

Krisis individualisme dalam konteks perbincangan ini merujuk kepada keadaan di mana penekanan berlebihan terhadap autonomi dan ekspresi diri individu. Penekanan berlebihan ini telah melemahkan jaringan solidariti sosial, menghakis autoriti tradisi dan menghasilkan bentuk keterasingan sosial individu. Masyarakat moden yang semakin menekankan kebebasan individu dan pilihan peribadi telah melemahkan ikatan tradisional seperti keluarga besar dan komuniti setempat berasaskan nilai bersama (Durkheim, 1951). Peralihan daripada “solidariti mekanik” kepada “solidariti organik” yang berasaskan kepelbagaian peranan sosial telah menghasilkan bentuk keterasingan baharu di mana hubungan sosial lebih bersifat instrumental daripada emosional. Durkheim menegaskan bahawa kesejahteraan manusia bergantung pada tingkat integrasi dan kawalan sosial dalam masyarakat. Apabila masyarakat berubah dengan pantas tanpa ikatan sosial, manusia mula kehilangan arah moral dan makna hidup. Fenomena ini digambarkan oleh Durkheim melalui konsep *anomie* iaitu keadaan “tanpa norma” di mana nilai bersama tidak lagi mengawal kehendak dan tindakan individu (Durkheim, 1951). *Anomie* adalah kekeliruan moral dan keadaan sosial yang melahirkan keterasingan, kesunyian dan penderitaan batin disebabkan individu tidak lagi merasa terikat dengan struktur sosial dan nilai kolektif (Pope, 1976).

Isu utama Durkheim ialah potensi masyarakat untuk menjadi punca kepada penyakit peribadi. Potensi ini dikaitkan dengan istilah *anomie* yang merujuk kepada perubahan besar dalam integrasi sosial (Giddens, 1989). Beliau menyebut bahawa “*Man is only a moral being because he lives in society; let all social life disappear, and moral life would vanish at the same time, having no object to which it could be applied*” (Durkheim, 1951). Tanpa hubungan sosial yang bermakna, manusia akan kehilangan arah hidup dan berada dalam kekosongan batin. Maka, kesunyian menurut Durkheim berpunca daripada kebebasan tanpa batas moral iaitu suatu bentuk kebebasan yang membawa kepada kehampaan. Kesan daripada *anomie* adalah sesuatu yang sangat buruk, sebagaimana yang dinyatakan oleh Atteslander (1999) “*Anomie can be seen as intra- and inter-actor violence as the values and norms prohibiting violence are no longer compelling*”. Apabila keadaan kritikal muncul pada peringkat makro dalam sesebuah masyarakat, maka kebarangkalian berlakunya keganasan dan bunuh diri juga akan meningkat pada peringkat individu (mikro) dan seterusnya menghasilkan perubahan dalam corak bunuh diri (Graeff & Mehlkop, 2007).

Konopka (1983) mengkaji tentang percubaan bunuh diri dan mendapati bahawa sebilangan besar percubaan tersebut berpunca daripada perasaan kesunyian dan merasakan diri tidak berharga. Hubungan antara harga diri dan kesunyian turut dikaji oleh Woodward dan Frank (1988). Hasil kajian menunjukkan bahawa harga diri yang rendah berkorelasi dengan kesunyian. Dari sudut psikologi, kajian menunjukkan bahawa kesunyian berkait rapat dengan harga diri yang rendah, keresahan sosial dan risiko kemurungan (Holt-Lunstad *et al.*, 2015). Dari sudut falsafah eksistensial, tokoh seperti Kierkegaard dan Heidegger melihat kesunyian sebagai sebahagian daripada pencarian makna hidup. Namun, dalam peradaban moden, pencarian ini sering gagal diselesaikan kerana masyarakat lebih menekankan kepantasan, produktiviti dan keseronokan sementara (Fromm, 1956). Malahan kajian oleh Teh *et al.* (2014) mendapati tahap sokongan yang tinggi oleh persekitaran juga tidak semestinya membawa hasil yang positif. Kesunyian lebih kerap berlaku di kawasan di mana hidup bersendirian jarang berlaku dan wujud integrasi komuniti yang kuat. Inilah yang dikatakan oleh Durkheim bahawa keperluan material dikawal oleh tubuh badan, sebaliknya keperluan sosioemosi pula tidak mempunyai batasan kerana ia bersifat tidak terhad. “Keupayaan kita untuk berperasaan,” merupakan “jurang yang tidak pernah terisi dan tiada penghujungnya” (TenHouten, 2016).

Liquid modernity yang diketengahkan oleh Bauman menyentuh tentang proses pengindividualan. Berbeza dengan zaman sebelumnya, di mana identiti sosial banyak dibentuk melalui keanggotaan kolektif. Sementara individu dalam *liquid modernity* dijangka untuk membina identitinya sendiri. Peralihan ini membawa cabaran dalam kehidupan moden iaitu individu menikmati kebebasan untuk memilih gaya hidup, kerjaya dan hubungan sosial mereka dan pada masa yang sama kebebasan ini diiringi oleh beban tanggungjawab serta keresahan dalam melalui kehidupan yang tidak menentu. Dalam konteks *liquid modernity*, penanda identiti individu seperti kelas dalam masyarakat, agama dan etnik semakin berkurangan pengaruh penentuannya. Sebaliknya, individu terdorong untuk sentiasa terlibat dalam proses penciptaan diri yang berterusan (Easy Sociology, 2024).

Bauman (2000) menjelaskan bahawa hubungan manusia semakin bersifat rapuh, sementara dan cair. Dalam dunia yang menekankan fleksibiliti dan kebebasan, ikatan dalam hubungan yang bersifat kekal semakin berkurang. Ikatan persahabatan, perkahwinan, malah kerjaya sering dianggap sebagai “*until further notice relationships*”. Ia menjadikan manusia lebih mudah terdedah kepada rasa sunyi apabila hubungan tersebut berakhir. Perasaan lain yang berkaitan dengan kesunyian ialah sifat bermusuhan dan keresahan akibat perpisahan. Kesunyian juga telah digambarkan sebagai tekanan emosi yang timbul akibat ketidakselarasan antara hubungan yang diinginkan dengan hubungan yang sebenarnya dialami yang seterusnya memberi kesan besar terhadap kesihatan dan kualiti hidup seseorang. Kesunyian yang berpanjangan dan perasaan sunyi yang mendalam boleh mendatangkan kesan buruk terhadap kesejahteraan individu. Kajian mendapati bahawa kesunyian merupakan pencetus kepada gangguan psikologi, masalah kesihatan mental dan kemurungan boleh membawa kepada kecenderungan bunuh diri (Teh *et al.*, 2014). Perkara ini juga dibuktikan melalui kajian oleh Mijuskovic (1988) yang turut menemui hubungan antara rasa kesunyian dengan masalah ketagihan arak.

Durkheim dan Bauman melihat bahawa individualisme dan perubahan struktur sosial menjadi faktor utama yang melemahkan ikatan sosial dan membawa kepada kesunyian moden. Apabila masyarakat berubah daripada struktur tradisional yang kukuh kepada struktur moden yang kompleks, maka nilai moral bersama menjadi longgar. Keadaan ini melahirkan *anomie* iaitu kekosongan norma dan arah moral. Individualisme yang melampau menjadikan manusia terpisah daripada masyarakat dan akan kehilangan makna sosial serta moral hidup. Masyarakat

pascamoden yang bersifat “cair” membentuk hubungan manusia yang bersifat sementara dan rapuh.

Teknologi Digital

Faktor teknologi digital dan media sosial juga menyumbang kepada fenomena kesunyian moden. Walaupun teknologi ini menjanjikan keterhubungan, fenomena ini sekadar mewujudkan “alone together” iaitu keadaan di mana manusia yang kelihatan sentiasa terhubung itu adalah mereka yang kesunyian secara dalaman. Hubungan maya menggantikan interaksi bersemuka walaupun komunikasi berlaku secara berterusan tetapi ikatan emosi yang mendalam gagal dibentuk (Turkle, 2011).

Bagi Bauman, teknologi dan media sosial mencipta ilusi keintiman iaitu manusia sentiasa *connected* tetapi jarang benar-benar *bonded*. Cinta dan persahabatan merupakan hubungan yang mudah diganti, maka berlakulah budaya *swipe*, *unfollow* dan *block* di media sosial. Dalam dunia cair ini, manusia menjadi takut untuk mencintai dengan mendalam kerana cinta membawa risiko kehilangan kebebasan dan kestabilan diri. Kesunyian pascamoden bukanlah bermakna ketiadaan hubungan tetapi disebabkan oleh pilihan individu itu sendiri yang takutkan keintiman. Hubungan manusia kini berasaskan ketidakpastian di mana setiap hubungan adalah sementara yang boleh berakhir bila-bila masa dan tidak menjamin keterjagaan emosi. Hubungan sosial menjadi bentuk *consumption* yang mudah terbina tetapi juga mudah roboh. Cinta tidak lagi menjadi sumber kestabilan, sebaliknya menjadi sumber ketakutan iaitu bimbang cinta ditolak dan bimbang kehilangan identiti (Beilharz, 2017).

Satu lagi aspek penting dalam *liquid modernity* ialah perpecahan komuniti tradisional dan ikatan kolektif. Kemunculan teknologi digital dan media sosial telah mengubah cara individu berinteraksi iaitu menggantikan hubungan bersemuka dengan hubungan maya. Walaupun teknologi ini menawarkan peluang baharu untuk berhubung, ia juga menyumbang kepada rasa keterasingan dan sifat hubungan yang bersifat luaran semata-mata. Hakisan ikatan kemasyarakatan ini mencerminkan perpecahan yang lebih luas dalam kehidupan sosial pada era *liquid modernity*. Perpecahan ini khususnya jelas kelihatan dalam persekitaran bandar, di mana populasi yang bersifat sementara dan pengaruh budaya yang pelbagai mewujudkan suatu rasa tanpa nama. Kemerosotan institusi yang berorientasikan komuniti seperti gereja dan organisasi setempat semakin memburukkan lagi cabaran dalam usaha memupuk ikatan sosial yang bermakna (Easy Sociology, 2024).

Durkheim (1897/1951) menegaskan bahawa kesejahteraan individu bergantung pada keterikatan sosial dan peraturan moral. Apabila kedua-duanya melemah, individu akan merasa terasing dan mudah terdedah kepada penderitaan psikologi. Dalam konteks teknologi, hubungan maya menggantikan komuniti sebenar tetapi tidak mempunyai kekuatan normatif yang sama. Hubungan dalam talian sering bersifat sementara, terpecah-pecah dan tidak memberi makna kolektif jangka panjang (Bauman, 2003). Penggunaan media sosial secara berlebihan juga dikaitkan dengan penurunan kesejahteraan dan peningkatan perasaan kesunyian terutamanya apabila interaksi digital tidak disertai hubungan dunia nyata. Mengikut kerangka Durkheim, keadaan ini menunjukkan kelemahan integrasi sosial di mana individu berinteraksi tanpa benar-benar terikat kepada struktur moral atau komuniti sebenar. Walau pun media sosial membentuk komuniti maya tetapi tidak menggantikan solidariti moral yang berpunca daripada nilai dan pengalaman bersama.

Pada masa kini banyak masalah penyakit sosial muncul disebabkan oleh sifat obsesi individu terhadap internet, media sosial, permainan dalam talian dan gajet. Di Jepun sebagai contoh masalah sosial semakin meningkat dalam kalangan rakyatnya kerana fenomena tidak mahu bertemu orang lain dan lebih gemar mengurung diri di dalam bilik. Fenomena ini disebut sebagai ‘social withdrawal’ atau disebut *hikikomori* (Rafiza *et al.*, 2019). Dr. Tamaki Saito, seorang ahli psikologi menciptakan istilah *hikikomori* (Dziesinski, 2003). Beliau dengan jelasnya menyebut bahawa *hikikomori* bukan merupakan penyakit mental tetapi adalah keterasingan kerana tidak terlibat dalam hubungan sosial. Beliau mendefinisikan *hikikomori* sebagai berikut,

“Hikikomori is a condition of seclusion where there is no social participation and it lasts at least six months (social participation is defined as attending school, going to work or sustaining close relationships with people from outside of the person’s family). There is rather no possibility that a mental disease is the major reason for the problem”.

Kehadiran pelbagai media baru di dalam kehidupan masyarakat kini membawa pengaruh yang dominan pada nilai-nilai budaya masyarakat sesebuah negara. Di Jepun, masyarakat dapat mencapai apa sahaja perkara baru dan lama serta perkara pelik atau yang mengujakan dengan adanya teknologi media baru dan media sosial. Dunia maya dianggap lebih menarik, semakin mudah diakses dan boleh digunakan dengan penuh kebebasan oleh mereka yang mempunyai *Hikikomori* (Suwa & Suzuki, 2013).

Bauman (2000) tidak yakin bahawa internet sedang menghubungkan semula individu dengan bentuk interaksi sosial yang setara. Malah, beliau melihat pergantungan pada internet dalam membentuk keterhubungan sosial sebagai suatu pengganti yang pasti akan gagal. Pengguna internet akan tetap mengalami kesunyian walaupun mereka berusaha keras untuk sentiasa terhubung dengan individu lain. Walau pun kadar kekerapan komunikasi kelihatan tinggi tetapi individu hanya mengalami hubungan itu ketika berada dalam talian sedangkan ia tidak sebagaimana ikatan sosial yang mampu bertahan tanpa mengira tahap intensiti interaksi (Franklin, 2009).

Ekonomi dan Globalisasi

Sistem kapitalis moden menilai manusia berdasarkan produktiviti dan pemilikan material. Karl Marx telah lama menekankan konsep *alienasi* dalam kapitalisme di mana pekerja menjadi terasing daripada diri mereka sendiri, produk kerja dan komuniti. Globalisasi dalam peradaban moden pula melonggarkan lagi akar budaya tempatan dan menjadikan identiti kolektif lebih rapuh (Giddens, 1990). Bauman menekankan bahawa budaya konsumerisme dan globalisasi telah mengubah struktur sosial dengan mendalam. Individu kini berusaha mencari makna diri melalui pembelian barang, pengalaman dan pola gaya hidup tetapi semuanya bersifat sementara. Keadaan ini memaksa individu untuk sentiasa menyesuaikan diri dengan landskap budaya yang sentiasa berubah. Sifat yang dinamik ini mempengaruhi identiti peribadi (Bauman, 2007; Easy Sociology, 2004). Hal ini berbeza dengan pandangan Durkheim yang menekankan kepentingan solidariti sosial dan keberlangsungan institusi untuk mengekalkan keteraturan dalam masyarakat (Durkheim, 1912/1995).

Dalam teori Durkheim, pengalaman pengangguran dan pengabaian terhadap peraturan sosial tertentu boleh dianggap sebagai bentuk penyesuaian yang tidak sempurna dalam pembahagian kerja. Jika pengangguran berlarutan untuk tempoh yang panjang, ia menggambarkan pengisian

semula solidariti organik yang lemah. Terdapat kajian oleh Yang (1992) telah mengesahkan kesan buruk pengangguran serta dampaknya terhadap bunuh diri. Kadar bunuh diri meningkat ketika berlakunya kemelesetan ekonomi apabila pengangguran semakin meluas (Newman & Newman, 1988). Kenaikan dan penurunan ekonomi yang pesat akibat gangguan kecil dalam pembahagian kerja merupakan antara sebab terpenting bagi keadaan patologi ini. Bunuh diri yang berpunca daripada *anomie* berlaku pada masa krisis, apabila kadar pengangguran meningkat dan individu yang kehilangan pekerjaan terbuang daripada persekitaran sosial mereka (Platt, 1984). Peraturan organisasi tidak lagi terpakai bagi golongan penganggur. Bagi mereka, rujukan kepada peraturan sosial yang ditetapkan oleh rakan sekerja atau ketua kerja tidak lagi diperlukan. Oleh kerana pembangunan ekonomi yang pesat membawa kepada geseran dalam pasaran buruh, para pekerja yang juga individu menghadapi kemungkinan besar untuk terpisah daripada bidang kerja mereka akibat perubahan mendadak dalam syarat pekerjaan (Graeff & Mehlkop, 2007). Bauman (2003) menjelaskan bahawa dalam ekonomi pasaran bebas, manusia dilihat sebagai produk dan pengguna. Nilai seseorang diukur berdasarkan kemampuannya untuk “dijual” sama ada dalam pasaran kerja atau pasaran sosial. Hubungan interpersonal menjadi transaksi ekonomi, dan tidak lagi berdasarkan hubungan kemanusiaan sejati.

Dalam *liquid modernity*, konsumerisme memainkan peranan utama dalam membentuk kehidupan sosial. Bauman berpendapat bahawa individu semakin menjadikan aktiviti berbelanja sebagai cara untuk mengekspresikan identiti dan mencapai realisasi diri. Pasaran menawarkan pelbagai pilihan, mendorong individu untuk sentiasa menakrifkan semula diri mereka melalui pemerolehan barangan, pengalaman dan gaya hidup. Namun, penekanan terhadap pemerolehan barangan ini juga menambah rasa tidak berpuas hati dan resah kerana manusia berusaha untuk mengejar “perkara terbaik yang seterusnya”. Ini akan menjadikan satu kitaran yang tiada penghujungnya. Dalam dunia yang digerakkan oleh konsumerisme dan mobiliti global, manusia hidup dalam ketidaktentuan dan kesunyian iaitu situasi manusia sentiasa terhubung tetapi tidak benar-benar berhubung (Bauman, 2003; 2007).

Durkheim dan Bauman menjelaskan bahawa globalisasi ekonomi telah menipiskan nilai kemanusiaan dan solidariti sosial. Durkheim menegaskan keperluan mengembalikan nilai moral bersama bagi menstabilkan masyarakat, manakala Bauman menyeru pembinaan semula hubungan sosial yang sebenar. Kesunyian pada era moden adalah cerminan kehilangan keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan makna kemanusiaan.

Mendepani Kesunyian dalam Peradaban Manusia

Kesunyian kini diiktiraf sebagai “wabak senyap” yang membawa kepada peningkatan kemurungan, kegelisahan dan juga bunuh diri (Holt-Lunstad *et al.*, 2015). Lebih jauh lagi, ia menggugat kesinambungan sosial. Masyarakat yang kehilangan rasa kasih sayang dan solidariti akan sukar mempertahankan dirinya daripada keruntuhan. Namun apabila kesunyian menjadi satu keadaan kronik, kesannya boleh menjadi jauh lebih serius. Keseriusan isu ini dapat dilihat apabila permasalahan ini menjadi fokus dalam pelbagai bidang ilmu termasuklah bidang perubatan seperti kajian oleh John Cacioppo, seorang ahli psikologi sosial di University of Chicago, Illinois. Beliau melihat kesan daripada kesunyian telah menyebabkan beberapa perubahan berpotensi tidak sihat dalam sistem kardiovaskular, imun dan saraf kepada individu yang mengalami kesunyian kronik. Penemuan ini menjelaskan bahawa individu yang terasing secara sosial mempunyai jangka hayat yang lebih pendek serta peningkatan risiko pelbagai masalah kesihatan, termasuk jangkitan, penyakit jantung dan kemurungan (Miller, 2011).

Persoalan yang timbul ialah apakah yang boleh dilakukan oleh individu untuk keluar daripada rasa kesunyian? Walaupun puncanya daripada situasi hidup individu dan sistem nilai sosio budaya tetapi penawar kepada kesunyian terletak pada keupayaan individu untuk berhubung dengan dirinya sendiri dan dengan masyarakat. Dalam masyarakat yang menekankan produktiviti, cinta berubah menjadi alat sosial. Fromm mengemukakan konsep “cinta matang” (*mature love*) yang berasaskan pengetahuan (*knowledge*), penjagaan (*care*), tanggungjawab (*responsibility*) dan hormat (*respect*) sebagai penawar kepada kesunyian moden. Hanya melalui cinta yang sedar dan empatik, manusia dapat menemui makna kewujudan diri mereka (Fromm, 1956). Inilah yang dikatakan oleh Durkheim bahawa kekuatan emosi selain daripada nafsu dan keinginan mendorong individu terutamanya dalam dunia moden untuk berusaha mencapai kejayaan sosial termasuk hubungan sosial, kedudukan berpengaruh dan memperoleh kekayaan dan sumber (TenHouten, 2016).

Durkheim memahami sosiologi sebagai satu pendekatan saintifik terhadap institusi dan peraturan yang membimbing tindakan sosial individu (Durkheim, 1982). Tekanan berterusan untuk menyesuaikan diri dalam sesebuah masyarakat merupakan ciri terpenting bagi institusi-institusi tersebut. Oleh kerana tahap tertentu penyesuaian diri adalah syarat penting untuk kelangsungan sesuatu masyarakat, maka tekanan sosial menjadi instrumen yang berguna dalam kehidupan bermasyarakat. Jika tiada tekanan sosial, individu akan tersesat jauh dan akhirnya memutuskan hubungan dengan institusi sebagai rujukan sosial bagi melahirkan tindakan mereka. Tekanan sosial merupakan salah satu kekangan utama yang menghalang masyarakat dan individu daripada kehancuran diri (Graeff & Mehlkop, 2007).

Durkheim berpendapat bahawa selain individu mengatasi kesunyian, masyarakat perlu mengembalikan peranan nilai bersama dan kawalan moral kolektif. Institusi sosial seperti keluarga, pendidikan dan agama memainkan peranan penting sebagai mekanisme pengikat sosial. Ikatan ini mengekang kebebasan individu dan menyediakan makna serta tujuan hidup dalam konteks sosial yang lebih luas (Durkheim, 1912/1995). Walaupun Durkheim hidup sebelum era digital, prinsip beliau mengenai fungsi moral kolektif boleh diaplikasikan untuk memahami bagaimana teknologi boleh diurus agar tidak memburukkan lagi rasa kesunyian. Beliau menegaskan perlunya pembentukan moral baru yang selaras dengan perubahan sosial agar masyarakat tidak terjebak dalam *anomie* (Durkheim, 1912/1995). Durkheim menyebut tentang *collective conscience* dan integrasi sosial. Dalam konteks ini masyarakat harus membangunkan etika digital iaitu nilai bersama yang mengawal cara manusia berhubung secara dalam talian. Nilai-nilai penggunaan digital seperti tanggungjawab, kesantunan dan kejujuran boleh berfungsi sebagai bentuk ‘moral kolektif baru’ di ruang maya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Teh *et al.*, (2014) dalam kajian kesunyian terhadap warga emas, didapati bahawa rangkaian sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kualiti hidup dan kesejahteraan warga emas. Selain pasangan hidup, anak-anak dewasa merupakan sumber sokongan dan hubungan sosial yang paling penting pada usia tua. Hubungan yang lebih kerap, perhatian dan kasih sayang daripada anak-anak dewasa dapat mengurangkan perasaan kesunyian dalam kalangan warga emas. Rakan-rakan dan jiran tetangga juga boleh memberikan sokongan emosi serta bantuan dalam tugas seperti pengangkutan dan urusan harian. Warga emas yang mempunyai hubungan rapat dengan ahli keluarga dan mempunyai ramai rakan didapati lebih sejahtera dari segi psikologi berbanding mereka yang tidak memiliki rangkaian sosial sedemikian.

Sekiranya masyarakat berjaya menginstitusikan etika digital, teknologi boleh menjadi alat solidariti. Apabila nilai-nilai moral dikongsi secara bersama, individu dapat mengaitkan tindakannya dengan tujuan sosial yang lebih besar. Ini membina rasa “kepunyaan” (sense of belonging) dan mengurangkan perasaan terasing. Pemikiran Durkheim menekankan bahawa kesejahteraan psikologi individu tidak dapat dipisahkan daripada kesejahteraan moral masyarakat. Dalam *The Division of Labour in Society* (1893/2014), Durkheim mencadangkan pembangunan solidariti organik di mana individu saling bergantung dalam peranan sosial yang berbeza. Namun, tetap bersatu melalui penghormatan terhadap norma dan tanggungjawab bersama. Melalui solidariti organik, manusia dapat merasai makna hidup dalam struktur sosial walaupun mereka menjalani peranan yang berbeza. Ini menjadi asas dalam menangani kesunyian moden iaitu mengembalikan rasa komuniti, saling tanggungjawab dan kesedaran moral dalam masyarakat yang individualistik.

Penyelesaian Bauman tidak bersifat institusional seperti Durkheim kerana beliau memberi fokus terhadap etika dan eksistensial. Beliau menyeru manusia untuk berani membina hubungan rapat yang tulen iaitu hubungan yang berasaskan empati, kejujuran dan tanggungjawab (Bauman, 2003). Dalam dunia yang cair, manusia perlu sedar bahawa kestabilan emosi tidak datang daripada hubungan yang mudah tetapi daripada komitmen terhadap orang lain. Bauman menyebut bahawa keintiman sejati menuntut “*being for the Other*” iaitu satu sikap di mana manusia bersedia menerima tanggungjawab moral terhadap orang lain tanpa jaminan balasan (Bauman, 1993). Cinta dan tanggungjawab ini menjadi asas moral baru untuk mengatasi kesunyian pascamoden.

Dalam *Postmodern Ethics* (1993), Bauman menekankan bahawa dunia moden memerlukan etika tanggungjawab (*ethics of responsibility*) dan peraturan moral formal. Etika ini berpaksikan kesedaran terhadap penderitaan dan kekurangan dalam segala aspek yang dirasai oleh orang lain. Melalui tanggungjawab ini, manusia mencipta “komuniti reflektif” iaitu hubungan sosial yang tidak bergantung pada struktur tetap tetapi pada kesedaran moral untuk menjaga antara satu sama lain (Tester, 2004). Penyembuhan kesunyian terletak pada keberanian moral individu untuk mencintai, peduli dan mengambil tanggungjawab dalam dunia cair dan sementara. Bauman (2003) menyatakan bahawa manusia moden hidup dalam hubungan dan identiti sentiasa berubah. Tanpa nilai bersama yang stabil, manusia kehilangan arah moral dan akhirnya menjadi “individu tanpa akar” terasing dalam dunia yang diciptanya sendiri. Kesunyian menjadi cermin kepada ketidakseimbangan antara kemajuan material dan kemerosotan spiritual.

Durkheim dan Bauman menampilkan dua jalan berbeza tetapi saling melengkapi dalam menangani kesunyian moden. Durkheim menyeru pemulihan solidariti moral dalam masyarakat yang berpecah, manakala Bauman mengajak manusia untuk membina keintiman dan tanggungjawab dalam dunia tanpa bentuk tetap. Kedua-duanya menegaskan bahawa penawar kesunyian bukan pada “memiliki lebih banyak” tetapi pada “menjadi lebih manusia.”. Dengan memahami kesunyian bermakna dapat dikenal pasti kelemahan yang berlaku pada struktur moral dan spiritual peradaban moden. Manusia perlu untuk menilai semula arah kemajuan yang terlalu menekankan kebergunaan dan melupakan kemanusiaan. Sedangkan dalam dunia yang semakin mencabar ini menuntut pembinaan peradaban yang berpaksikan nilai kasih, solidariti dan kesejahteraan jiwa di samping pencapaian ekonomi atau teknologi.

Kesimpulan

Kesunyian dalam konteks peradaban moden tidak boleh difahami sekadar sebagai pengalaman psikologi individu, sebaliknya ia merupakan manifestasi kelemahan struktur sosial dan kemerosotan asas moral masyarakat kontemporari. Fenomena ini menandakan krisis yang lebih mendalam iaitu kerapuhan asas kemanusiaan dalam sistem sosial yang mengutamakan produktiviti, materialisme dan individualisme sebagai nilai dominan.

Analisis melalui kerangka pemikiran Émile Durkheim dan Zygmunt Bauman memperlihatkan bahawa kesunyian berakar pada proses sejarah yang panjang. Walaupun kedua-dua pemikir ini muncul dalam konteks zaman yang berbeza, kedua-duanya mengenal pasti punca yang serupa iaitu keterasingan manusia daripada nilai kolektif dan individualisme. Durkheim menunjukkan bahawa perubahan sosial dan ekonomi yang berlaku secara mendadak menghakis norma kolektif, menghasilkan keadaan *anomie* yang menjejaskan solidariti sosial. Dalam keadaan ini, individu kehilangan orientasi moral dan rasa keterikatan terhadap komuniti. Individu tersebut juga mengalami keterasingan normatif yang membuka ruang kepada kesunyian sosial. Bauman pula menghujahkan bahawa dalam dunia moden yang bersifat cair (*liquid modernity*), hubungan manusia menjadi sementara dan tidak stabil. “Hubungan cair” yang bebas komitmen mengurangkan kedalaman keterikatan sosial dan menjadikan identiti individu sentiasa terdedah kepada ketidakpastian.

Kedua-dua perspektif ini menunjukkan bahawa sistem sosial dan ekonomi moden secara beransur-ansur telah menggantikan solidariti dengan persaingan, serta menggantikan makna diri dengan ukuran material dan pengiktirafan luaran. Dalam konteks peradaban moden yang dipacu teknologi digital, media sosial dan globalisasi, identiti manusia semakin ditentukan oleh capaian, status dan keterlihatan. Proses ini menyumbang kepada kerapuhan peribadi dan ketidakstabilan keterikatan sosial. Secara teoritikal, artikel ini memperkukuh hujah bahawa kesunyian merupakan fenomena struktur yang berpunca daripada transformasi peradaban. Ia menyumbang kepada wacana sosiologi dengan mengintegrasikan kerangka klasik Durkheim dan analisis moden Bauman bagi menjelaskan bagaimana perubahan dalam norma, solidariti dan bentuk hubungan sosial menghasilkan pengalaman kesunyian dalam masyarakat kontemporari. Secara normatif, dapatan ini membawa implikasi penting terhadap pembinaan semula solidariti sosial. Jika kesunyian berpunca daripada kelemahan struktur dan nilai, maka penyelesaiannya tidak memadai dengan intervensi psikologi semata-mata. Sebaliknya, ia menuntut usaha membina semula asas moral masyarakat. Pembinaan komuniti yang berasaskan keterikatan mendalam dan kebertanggungjawaban bersama menjadi keperluan mendesak dalam menghadapi krisis kemanusiaan kontemporari.

Kesunyian dalam peradaban moden harus dilihat sebagai indikator krisis kemanusiaan yang lebih luas. Pemulihan keseimbangan antara kemajuan material dan kematangan rohani bukan sekadar aspirasi moral, tetapi merupakan keperluan struktural bagi memastikan kelangsungan peradaban yang berteraskan nilai kemanusiaan sejati.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Faezah Kassim bertanggungjawab terhadap kerangka awal, pengkonsepan dan penyeliaan keseluruhan kajian. Noor Ain Mat Noor mengendalikan pengumpulan sumber dan penulisan mengenai faktor-faktor. Norazlan Hadi Yaacob menyumbang kepada sub tajuk mendepani kesunyian dan kesimpulan serta melakukan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Atteslander, P. (1999). Social change, development and anomie. In P. Atteslander, B. Gransow, & B. Western (Eds.), *Comparative anomie research: Hidden barriers – hidden potential for social development* (pp. 3–16). Aldershot, UK: Ashgate.
- Atteslander, P., Gransow, B., & Western, J. (1999). Conclusions and implications for development politics. In P. Atteslander, B. Gransow, & B. Western (Eds.), *Comparative anomie research: Hidden barriers – hidden potential for social development* (pp. 215–230). Aldershot, UK: Ashgate.
- Balapashev, B. S., Tursynbayeva, A. O., & Maldybek, A. Zh. (2023). *Philosophical meaning of the concept of loneliness. Bulletin of L.N. Gumilyov Eurasian National University. Historical Sciences. Philosophy. Religion Series*, 145(4), 226–237. <https://doi.org/10.32523/2616-7255-2023-145-4-226-237>
- Beilharz, P., & Supski, S. (2017). *A sociology of caravans*. Thesis Eleven, 142(1), 34–43. <https://doi.org/10.1177/0725513617727892>
- Bauman, Z. (1993). *Postmodern ethics*. Oxford, UK: Blackwell Publishers.
- Bauman, Z. (2000). *Liquid modernity*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Bauman, Z. (2001). *Community: Seeking safety in an insecure world*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Bauman, Z. (2003). *Liquid love: On the frailty of human bonds*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Bauman, Z. (2007). *Consuming life*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Buecker, S., Horstmann, K. T., Krasko, J., Kritzler, S., Terwiel, S., Kaiser, T., & Luhmann, M. (2021). Changes in loneliness during the COVID-19 pandemic: A meta-analysis. *Personality and Social Psychology Review*, 25(4), 346–371. <https://doi.org/10.1177/10888683211012779>
- Durkheim, É. (1893/2014). *The division of labour in society* (W. D. Halls, Trans.). New York, NY: Free Press.
- Durkheim, É. (1912/1995). *The elementary forms of religious life* (K. E. Fields, Trans.). New York, NY: Free Press.
- Durkheim, É. (1951). *Suicide: A study in sociology* (J. A. Spaulding & G. Simpson, Trans.). Glencoe, IL: Free Press. (Original work published 1897)
- Dziesinski, M. J. (2003). *Hikikomori: Investigations into the phenomenon of acute social withdrawal in contemporary Japan* [Kertas sarjana muda tidak diterbitkan]. University of Hawai'i at Mānoa. https://www.academia.edu/3554912/Investigations_into_the_Phenomenon_of_Acute_Social-Withdrawal_in_Contemporary_Japan
- Elliott, A. (2007). *Concepts of the self* (2nd ed.). Cambridge, UK: Polity Press.
- Forbes, A. (1996). Loneliness. *BMJ: British Medical Journal*, 313(7053), 352–354. <http://www.jstor.org/stable/29732534>
- Franklin, A. S. (2009). On loneliness. *Geografiska Annaler: Series B, Human Geography*, 91(4), 343–354.
- Fromm, E. (1956). *The art of loving*. New York, NY: Harper & Row.
- Funk, R. (2000). *Erich Fromm: His life and ideas*. London, UK: Continuum.
- Gane, N. (2001). Zygmunt Bauman: Liquid modernity and beyond [Review of *Liquid Modernity; The Individualized Society; The Bauman Reader*, by Z. Bauman & P. Beilharz]. *Acta Sociologica*, 44(3), 267–275. <http://www.jstor.org/stable/4194889>
- Gane, N. (2004). *The future of social theory*. London, UK: Continuum.
- Giddens, A. (1989). *Sociology*. Oxford, UK: Basil Blackwell.

- Giddens, A. (1990). *The consequences of modernity*. Stanford, CA: Stanford University Press.
- Giddens, A. (1978). *Durkheim*. Glasgow, UK: Fontana/Collins.
- Graeff, P., & Mehlkop, G. (2007). *When anomie becomes a reason for suicide: A new macro-sociological approach in the Durkheimian tradition*. *European Sociological Review*, 23(4), 521-535. <https://doi.org/10.1093/esr/jcm020>
- Hawkey, L. C., Hughes, M. E., Waite, L. J., Masi, C. M., Thisted, R. A., & Cacioppo, J. T. (2008). From social structural factors to perceptions of relationship quality and loneliness: The Chicago Health, Aging, and Social Relations Study. *Journals of Gerontology: Series B* Newman, S. C., & Dyck, R. J. (1988). On the age-period-cohort analysis of suicide rates. *Psychological Medicine*, 18(3), 677-681. <https://doi.org/10.1017/S0033291700008357> PubMed+1
- Platt, S. (1984). Unemployment and suicidal behaviour: A review of the literature. *Social Science & Medicine*, 19(10), 93-115. [https://doi.org/10.1016/0277-9536\(84\)90276-4](https://doi.org/10.1016/0277-9536(84)90276-4)
- Holt-Lunstad, J., Smith, T. B., Baker, M., Harris, T., & Stephenson, D. (2015). Loneliness and social isolation as risk factors for mortality: A meta-analytic review. *Perspectives on Psychological Science*, 10(2), 227-237. <https://doi.org/10.1177/1745691614568352>
- Konopka, G. (1983). *Young girls: A portrait of adolescence*. *Child and Youth Services*, 5, 84-100.
- Lim, M. H., Holt-Lunstad, J., & Badcock, J. C. (2020). Loneliness: Contemporary insights into causes, correlates, and consequences. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, 55, 789-791. <https://doi.org/10.1007/s00127-020-01891-z>
- Lukes, S. (2013). *Émile Durkheim: His life and work* (2nd ed.). London, UK: Routledge.
- McLaughlin, N. (2019). The coming triumph of the psychosocial perspective: Lessons from the rise, fall and revival of Erich Fromm. *Journal of Psychosocial Studies*, 12(1-2), 9-22. <https://doi.org/10.1332/147867319X15608718110871>
- Mijuskovic, B. (1988). Loneliness and adolescent alcoholism. *Adolescence*, 23(91), 503-515.
- Miller, G. (2011). Why loneliness is hazardous to your health. *Science*, 331(6014), 138-140. <http://www.jstor.org/stable/40986471>
- Moustakas, C. E. (1961). *Loneliness*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Moustakas, C. E. (1975). *The touch of loneliness*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Newman, B. M., & Newman, P. R. (1988). *Development through life: A psychosocial approach* (4th ed.). Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Noradilah, N. M., & Mansor, A. T. (2009). Kesunyian dan kesejahteraan psikologi di kalangan pelajar universiti di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 23, 27-30.
- Perlman, D., & Peplau, L. A. (1981). *Toward a social psychology of loneliness*. In R. Gilmour & S. Duck (Eds.), *Personal Relationships: 3. Relationships in Disorder* (pp. 31-56). London: Academic Press.
- Pope, W. (1976). *Durkheim's Suicide: A classic analyzed*. Chicago: University of Chicago Press.
- Primack, B. A., Shensa, A., Sidani, J. E., Whaithe, E. O., Lin, L., Rosen, D., Colditz, J. B., Radovic, A., & Miller, E. (2017). Social media use and perceived social isolation among young adults in the U.S. *American Journal of Preventive Medicine*, 53(1), 1-8. <https://doi.org/10.1016/j.amepre.2017.01.010>
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. New York, NY: Simon & Schuster.

- Rafiza, R. B., Noor Fadzilah, A. R., & Helyawati, B. B. (2019). Ketagihan penggunaan internet mendorong fenomena hikikomori. In *Proceedings of ICITS 2019 5th International Conference on Information Technology and Society* (pp. 1–10). Selangor, Malaysia.
- Singh, R. N. (1991). Loneliness: Dynamics, dimensions and many faces. *International Review of Modern Sociology*, 21(1), 109–120. <http://www.jstor.org/stable/41420990>
- Surkalim, D. L., Luo, M., Eres, R., Gebel, K., van Buskirk, J., Bauman, A., & Ding, D. (2022). The prevalence of loneliness across 113 countries: Systematic review and meta-analysis. *BMJ Global Health*, 7(4), e008033. <https://doi.org/10.1136/bmjgh-2021-008033>
- Suwa, M., & Suzuki, K. (2013). *The phenomenon of “hikikomori” (social withdrawal) and the socio-cultural situation in Japan today*. *Journal of Psychopathology*, 19, 191-198.
- Teh, J. K., Tey, N. P., & Ng, S. T. (2014). Family support and loneliness among older persons in multiethnic Malaysia. *The Scientific World Journal*, 2014, 654382. <https://doi.org/10.1155/2014/654382>
- TenHouten, W. D. (2016). Normlessness, anomie, and the emotions. *Sociological Forum*, 31(2), 465–486. <http://www.jstor.org/stable/24878734>
- Tester, K. (2004). *The social thought of Zygmunt Bauman*. Basingstoke, UK: Palgrave Macmillan.
- Thompson, K. (2002). *Émile Durkheim*. London, UK: Routledge.
- Turkle, S. (2011). *Alone together: Why we expect more from technology and less from each other*. New York, NY: Basic Books.
- Yang, B. (1992). *The economy and suicide: A time-series study of the U.S.A*. *American Journal of Economics and Sociology*, 51(1), 87–99. <https://doi.org/10.1111/j.1536-7150.1992.tb02511.x>
- Zaiton Mohamad, B., Balan Rathakrishnan, G. C. A. S., & Nazmi Loh. (2015). Hubungan keseimbangan, kecerdasan emosi dan penghargaan sendiri terhadap kesunyian pelajar luar bandar dalam institusi pengajian tinggi. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(2), 57–69.

Sumber Dalam Talian / Media:

- BBC One. (2016). *The age of loneliness* [Documentary]. BBC. <https://www.bbc.co.uk/programmes/b06vkh5>
- Berita Harian. 20 Februari 2026.
- Cambridge University Press. (n.d.). *Cambridge Dictionary Online*. Dalam *Cambridge Dictionary*. <https://dictionary.cambridge.org>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)*. <https://prpm.dbp.gov.my>
- Easy Sociology. (2024, January 14). *Understanding the concept of liquid modernity in sociology* <https://easysociology.com/general-sociology/understanding-the-concept-of-liquid-modernity-in-sociology/>